

**DISIPLIN AL-QUR'ĀN DAN HUBUNGANNYA  
DENGAN TRADISI INTELEKTUAL ANDALUSIA**

**MOHD ZAMRUS BIN MOHD ALI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

2010

## PENGHARGAAN



Segala pujian dirafa'kan kehadiran Allah 'Azza Wajalla yang Maha Berkuasa dengan segala kehendak-Nya. Selawat serta ucapan salam khusus buat junjungan mulia Rasul akhir zaman Muḥammad ﷺ. Jua buat Āli Bayt Baginda tidak lupa kepada para sahabat Baginda yang berjuang membawa risalah Islam ke seluruh alam.

Alhamdulillah, dengan limpahan Rahmat dan keizinan daripada Allah, saya dapat menyempurnakan penulisan tesis ijazah sarjana sastera dalam pengkhususan Pengajian Tamadun di Universiti Sains Malaysia ini. Dalam limpahan Rahmat-Nya itu, saya merakamkan jutaan penghargaan yang tiada penghujungnya kepada Prof. Madya Dr. Muhammad Azizan bin Sabjan, penyelia yang terlalu banyak membantu, memberi dorongan dan pengajaran berharga tanpa mengira masa dan ketika. Semoga Allah merahmatinya di dunia dan di akhirat. Tidak lupa juga jutaan terima kasih buat Prof. Madya Dr. Noor Shakirah bt. Mat Akhir, dengan bimbingan dan nasihat beliau tesis ini akhirnya dapat disiapkan dengan sempurna.

Saya juga menghulurkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Hj. Nasirun bin Hj. Mohd Saleh, Pengarah Pusat Islam USM yang memberi peluang kepada saya menyambung pengajian ini secara sepenuh masa. Semoga Allah melimpahi keberkatan dalam segala usahanya. Tidak lupa juga kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Profesor Dato' Dr. Abu Talib Ahmad dengan sokongan yang diberi serta pengurusan Universiti yang menawarkan biasiswa penuh kepada saya sepanjang tempoh pengajian ini.

Buat isteri tersayang Masmadhanur Aslinda bt. Mohd Ali yang mencurahkan kasih dan sayang sepanjang masa, bersengkang mata menemani suaminya. Semoga pengorbananmu itu menjadi kunci buatmu membuka pintu syurga. Kepada cahaya mata

berempat Muhammad al-Faateh, Muhammad Fakhruddin ar-Razi, Muhammad Ubaidah al-Jarrah dan Muhammad Toriq al-Hamdi kalian merupakan obor semangat walidmu dalam pencarian ilmu ini. Kepada ibu bapa tercinta dan jua kasih ibu mertua, terima kasih dengan doa kalian semoga Allah memayungi kalian dengan Rahmat-Nya sepanjang masa.

Kepada abang-abang, kakak-kakak dan adik-adik serta sahabat handai yang memberi galakan semoga mendapat keberkatan dalam usaha mulia kalian. Alhamdulillah, dengan iringan doa kalian jua tesis ini telah dapat disempurnakan. Semoga kita semua dipimpin menuju redha Allah hingga akhirnya. Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

Mohd Zamrus bin Mohd Ali  
Pusat Islam, Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai kependekan	vii
Senarai Transliterasi	viii
Abstrak	x
Abstract	xii
Senarai gambar	xiv
BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang masalah kajian	2
1.3 Kajian terdahulu	3
1.4 Skop kajian	5
1.5 Kepentingan kajian	5
1.6 Objektif kajian	8
1.7 Metodologi penyelidikan	8
BAB 2	
AL-QUR'ĀN DAN KECEMERLANGAN INTELEKTUAL	
2.1 Definisi disiplin al-Qur'ān	13
2.2 Keperluan manusia kepada al-Qur'ān	22
2.3 Al-Qur'ān menggesa ke arah pembentukan daya intelek	30
2.4 Hubungan antara disiplin al-Qur'ān dan adab intelektual	49
2.5 Metodologi pendidikan al-Qur'ān	54
2.5.1 Era Mekah	56
2.5.2 Era Madinah	57

2.5.3 Era Khulafā' al-Rāsyidīn	58
2.5.4 Era Umayyah	60
2.5.5 Era 'Abbāsiyyah	61

### BAB 3

#### BUDAYA INTELEK ANDALUSIA

3.1 Sejarah Andalusia	64
3.2 Perkembangan budaya ilmu di Andalusia	72
3.3 Faktor penyuburan ilmu di Andalusia	86
3.3.1 Naungan politik dan pemerintah	86
3.3.2 Kegiatan penterjemahan dan penerokaan ilmu	92
3.3.3 Penggerak budaya ilmu dalam masyarakat	95
3.3.4 Pengaruh Neo-Muslim	101
3.4 Hubungan antara ilmu agama dan falsafah, teologi dan sains	105
3.5 Pengaruh tamadun Muslim Andalusia kepada Eropah	110
3.5.1 Zaman pembaharuan Eropah	113
3.5.2 Kemunculan intelektual Eropah	116
3.5.3 Pengaruh bahasa Arab di Eropah	118

### BAB 4

#### PENGARUH AL-QUR'ĀN TERHADAP BUDAYA

INTELEK ANDALUSIA	120
4.1 Bidang pendidikan	124
4.1.1 Era <i>al-Walah</i>	126
4.1.2 Era <i>al-Imārah</i>	128
4.1.3 Era <i>al-Khilāfah</i>	131
4.2 Bidang sosial	133
4.2.1 Kemasyarakatan	137
4.2.2 Pentadbiran dan perundangan	139
4.2.3 Bidang komersial	141
i. Perindustrian	141
ii. Pertanian	147

iii.	Perdagangan laut	149
4.2.4	Bidang Seni	154
i.	Seni kaligrafi	154
ii.	Seni bina	156
iii.	Seni muzik	162
iv.	Seni bahasa	166
4.3	Bidang pertahanan	168
4.4	Bidang keilmuan	173
4.4.1	Ilmu geografi	173
4.4.2	Ilmu astronomi	176
4.4.3	Ilmu matematik	180
4.4.4	Ilmu fizik	183
BAB 5		
KEJATUHAN TAMADUN ANDALUSIA		
5.1	Implikasi tidak patuh kepada disiplin al-Qur'ān.	195
5.2	Kronologi kejatuhan tamadun Andalusia	197
5.3	Faktor kemunduran dan kejatuhan	202
BAB 6		
	KESIMPULAN	216
	BIBLIOGRAFI	221

## SENARAI KEPENDEKAN

- Ibid* - “*Ibidem*” bererti sama dengan rujukan yang disebut di atas
- ﷺ - Bererti *Ṣallallāhu ‘Alayhi wa Sallam*
- H - Hijriyah
- M - Masihi
- jld - Jilid
- hlm - Halaman
- cet - Cetakan
- m. - Mati
- t.t - Tanpa tahun

## SENARAI TRANSLITERASI

Bacaan	Huruf Arab	Transliterasi
<i>'alif</i>	ا	-
<i>ba'</i>	ب	b
<i>ta'</i>	ت	t
<i>tha'</i>	ث	th
<i>jim</i>	ج	j
<i>ha'</i>	ح	ḥ
<i>kha'</i>	خ	kh
<i>dal</i>	د	d
<i>dhal</i>	ذ	dh
<i>ra'</i>	ر	r
<i>zay</i>	ز	z
<i>sin</i>	س	s
<i>syin</i>	ش	sy
<i>sad</i>	ص	ṣ
<i>dad</i>	ڍ	ḍ
<i>ta'</i>	ط	ṭ
<i>za'</i>	ظ	ẓ
<i>'ayn</i>	ع	'a
<i>ghayn</i>	غ	gh
<i>fa'</i>	ف	f
<i>qaf</i>	ق	q
<i>kaf</i>	ك	k
<i>lam</i>	ل	l
<i>mim</i>	م	m
<i>nun</i>	ن	n
<i>waw</i>	و	w
<i>ha'</i>	ه	h
<i>hamzah</i>	ء	a/a'
<i>ya'</i>	ي	y
<i>ta'</i>	ة	t

## VOKAL

a. Pendek

اَ a

اِ i

اُ u

b. Panjang

اَـ ā

اِـ ī

اُـ ū

c. Diftong

أَي / آيَ ay

أَوْ / آوِ aw

Sistem transliterasi yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan kepada sistem yang *standard*, sebagaimana yang terdapat dalam buku panduan transliterasi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur pada tahun 1984 dan 1992.

## DISIPLIN AL-QUR'ĀN DAN HUBUNGANNYA DENGAN TRADISI INTELEKTUAL ANDALUSIA

### ABSTRAK

Islam merupakan agama yang memberi fokus kepada tuntutan ilmu pengetahuan melalui disiplin al-Qur'ān. Ayat al-Qur'ān pertama yang diwahyukan kepada Rasūlullāh ﷺ telah menekankan kepentingan ilmu dan keperluan penyelidikan. Ayat ini juga telah membawa kepada satu reformasi ketamadunan manusia yang bermula antaranya dari negara Islam Andalusia. Masyarakat Muslim di Andalusia telah melakarkan episod kegemilangan dalam sejarah intelektual benua Eropah selama 8 abad. Mereka telah mengimplementasi al-Qur'ān sebagai satu disiplin yang telah membimbing dan bertindak sebagai obor penyuluh kepada budaya dan ketamadunan dunia seluruhnya dengan membentuk metodologi, formula, ujikaji, pemerhatian, pengukuran dalam pelbagai bidang yang digunakan sehingga kini. Andalusia telah menjadi pusat ketamadunan dan aktiviti-aktiviti bersifat intelektual. Pada ketika itu juga, aktiviti keintelektualan di Andalusia telah melahirkan ramai perintis dan saintis hebat yang secara langsung memberi impak besar kepada dunia melalui ilmu, idea dan inovasi. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi memberi fokus kepada kepentingan al-Qur'ān sebagai satu disiplin dalam membentuk daya intelek dan budaya intelektual dengan membina kerangka kecemerlangan pemikiran dan kemajuan tamadun manusia. Tesis ini akan membincangkan hubung kait disiplin al-Qur'ān yang mengandungi tauhid, syariat dan akhlak dengan peradaban intelektual Andalusia. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneliti adakah pendekatan seumpama tersebut telah diaplikasikan ketika pemerintahan Islam seawal 711 Masihi hingga 1492 Masihi. Hubungan disiplin al-

Qur'ān dan intelektual telah menumbuhkan fasa baru dalam evolusi tamadun manusia. Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif dengan metod pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah kepustakaan. Pengumpulan data juga dilakukan menerusi metod dokumentasi dan metod pensejarahan dan kaedah menganalisis data melalui analisis dokumen secara induktif, deduktif dan komparatif. Hasilan kajian ini mendapati bahawa faktor utama kejatuhan tamadun Andalusia pada masa itu adalah ketidakpatuhan kepada disiplin al-Qur'ān. Justeru itu, tesis ini mencadangkan bahawa disiplin al-Qur'ān hendaklah dilaksanakan dan dilestarikan sebagai asas yang kukuh dalam membangunkan masyarakat intelektual pada hari ini.

# THE DISCIPLINE OF AL-QUR'ĀN AND ITS RELATION WITH THE INTELLECTUAL TRADITION OF ANDALUSIA

## ABSTRACT

Islam is a religion that focuses on the demands of knowledge through the discipline of al-Qur'ān. The first verse of al-Qur'ān revealed to Prophet Muḥammad ﷺ stressed the importance of knowledge and research. This verse also leads to the renaissance of human civilization commencing from among others, the Islamic nation of Andalusia. The Andalusian Muslims had etched one of the best chapters in the intellectual history of medieval Europe for eight centuries. They have implemented al-Qur'ān as a discipline, making al-Qur'ān as the guiding light of the culture and world civilization by shaping the methodologies, mathematical formulas, experiments, observations and measurement as practiced at present. Andalusia had become the centre of civilization and intellectual activities. The intellectual activities in Andalusia during those times have also produced many pioneers and brilliant scientists who directly and massively contributed to the world knowledge, idea and innovation. Therefore, this research focuses on the importance of al-Qur'ān as a discipline that forms stimulation of intellectualism and intellectual culture in developing a framework of outstanding creeds and the development of human civilization. This thesis discusses the relationship between the discipline of al-Qur'ān comprising tauhid, syari'at and morality with the intellectual civilization in Andalusia. Apart from that, this research also aims to study whether the said approach had been applied during Islamic occupancies beginning from the year 711 until 1492. The relationship between the discipline of al-Qur'ān and intellectual beliefs establish a new phase of human evolution. This is a qualitative study

based on literature review. The data collection was also conducted by using documentation and history method and data research by analyzing document inductively, deductively and comparatively. This research reveals that the main factor of the collapse of the Andalusian civilization can be attributed to their disregard of the al-Qur'ān discipline. As a conclusion, this thesis suggests that the discipline of al-Qur'ān must be implemented and then, sustained as the strong foundation in building intellectual society today.

## SENARAI GAMBAR

Bil.	Topik gambar	Muka surat
1.	Carta Sejarah Andalusia	69
2.	Peta menunjukkan kronologi kerajaan Bani Umayyah menawan Andalusia dan wilayah-wilayah lain bermula pada tahun 711 Masihi	70
3.	Peta kedudukan bandar-bandar besar di Andalusia pada tahun 1065 Masihi	71
4.	Gambar naskhah al-Qur'ān tulisan tangan koleksi Andalusia yang ditulis pada abad ke-14 atau ke-15 Masihi	186
5.	Gambar naskhah al-Qur'ān tulisan tangan koleksi Valencia, Andalusia yang ditulis pada abad ke-12 Masihi	187
6.	Gambar sebahagian daripada seni bina istana al-Ḥamrā'	188
7.	Gambar hasil seni ukiran dinding yang terdapat padanya tulisan <i>Basmalah</i> dan <i>Lā Ilāha Illa Allāh</i> di istana Saragossa	188
8.	Gambar seni Islam dalam kreativiti ukiran mihrab, tiang dan siling Masjid Cordova	189
9.	Gambar pintu utama Masjid Cordova dengan ukiran geometri dengan menggunakan warna kapur gypsum untuk melakarkan corak-corak flora atau geometri yang diwarnai dengan warna asas iaitu biru dan merah	190
10.	Gambar beberapa barangan yang berukiran dan mempunyai tulisan khat jenis kufi menghiasi bekas-bekas air, peti besi, mata wang dan kain hiasan	191
11.	Gambar salah satu bendera peperangan umat Islam di Andalusia ketika menentang Kristian	192
12.	Gambar contoh ukiran patung kuda yang dibuat daripada gangsa dari wilayah Medīnat al-Zahrā' pada tahun ke-10 Masihi	193
13.	Gambar peralatan astronomi <i>astrolab</i> buatan Toledo pada tahun 1029 Masihi disimpan di Berlin	194
14.	Gambar surat yang ditandatangani oleh pemerintah Islam Granada menyerahkan kuasa kepada Kristian pada tahun 1491 Masihi	214
15.	Gambar masjid Cordova yang pada asalnya merupakan masjid tersohor di Andalusia kini diubah suai menjadi gereja	215

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### 1.1 Pengenalan

Zaman Bani Umayyah sering dinobatkan sebagai lambang ketamadunan Islam oleh masyarakat hari ini di timur dan di barat malah kemasyhurannya meluaskan empayar Islam seperti di Afrika Utara dan Sepanyol umpamanya telah membina satu peradaban dan tamadun malah telah melahirkan para intelektual Muslim yang pakar dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan. Kota Andalusia di Sepanyol juga masih disebut-sebut sebagai pusat Tamadun Ilmu Islam yang muncul ketika di zaman pemerintahan Bani Umayyah yang ketika itu berpusat di Damsyik. Ketika khalifah al-Walīd bin ‘Abd al-Malik yang memerintah dari tahun 86-96 Hijrah (705-715 Masihi), kota Andalusia telah berjaya di tawan dari raja Sepanyol yang beragama Kristian. Penaklukan ini telah dilakukan dengan jayanya di bawah pimpinan panglima Ṭāriq bin Ziyād.

Membongkar tamadun Andalusia dan sumbangannya merupakan kajian yang kerap dilakukan sejak kebelakangan ini melalui pelbagai medium untuk mengembalikan semula kegemilangan intelektual Muslim. Mengapa dan apakah faktor utama keunggulan mereka hingga mampu menobatkan suatu tamadun Islam dan kewujudannya amat dihargai bakal dikupas dalam kajian ini. Hakikatnya penerokaan semula sejarah silam Andalusia telah membongkar zaman keagungan, kemajuan serta keunggulan intelektual Muslim yang menggunakan formula agung dalam setiap kegiatan, dasar dan disiplin ilmu iaitu disiplin al-Qur’ān.

## 1.2 Latarbelakang masalah kajian

Kajian akan menganalisis dan mengkaji faktor disiplin al-Qur'ān yang membawa kegemilangan tamadun Andalusia sebagai elemen utama selain memberi penekanan kepada pelbagai dimensi yang menyumbang penyuburan budaya ilmu di Andalusia. Dengan kata lain, Andalusia berjaya kerana kepatuhannya kepada al-Qur'ān namun rahsia kejayaan ini tidak ditonjolkan secara terperinci. Antara permasalahan yang bakal dikaji dan dibuktikan melalui penyelidikan ini ialah:

- 1.2.1 Disiplin al-Qur'ān mempunyai hubungan dalam pembentukan peradaban intelektual manusia. Peradaban Andalusia telah berjaya membuktikannya melalui penyebaran budaya ilmu wahyu kepada setiap lapisan masyarakat dan dipelopori pula oleh para intelek Muslim.
- 1.2.2 Budaya intelek Andalusia adalah berasaskan al-Qur'ān. Setiap aspek perkembangan kepakaran para ilmuwan bersandarkan kepada disiplin al-Qur'ān hingga memberi nilai tinggi kepada kemajuan tamadun dunia.
- 1.2.3 Keintelektualan al-Qur'ān telah diadaptasi dalam budaya dan peradaban Andalusia. Pertumbuhan dan pembentukan elemen yang menyumbang kepada kemajuan tamadun di wilayah ini dijemakan melalui penghayatan disiplin al-Qur'ān.
- 1.2.4 Kejatuhan utama Andalusia adalah berpunca daripada ketidakpatuhan kepada disiplin al-Qur'ān. Faktor ini menyebabkan budaya al-Qur'ān dan seluruh unsur intelektual Andalusia lenyap sedikit demi sedikit walaupun ia telah terbina sejak sekian lama.

### 1.3 Kajian terdahulu

Bentuk penulisan terdahulu menjadi sandaran dalam kajian tamadun Andalusia ini. Walaupun begitu, secara umumnya penulisan-penulisan terdahulu memberi tumpuan kepada era kegemilangan tamadun ini tanpa mengaitkan kecemerlangannya dengan disiplin al-Qur'ān dan adab intelektual Andalusia.

Dari perspektif sejarah Andalusia, penulisan sarjana Barat mendominasi berbanding penulis Islam. Pasti tiada diselitkan unsur disiplin wahyu al-Qur'ān dalam penulisan mereka seperti penulisan Burckhardt, Titus (1972), *Moorish Culture In Spain*,<sup>1</sup> Burns, Robert Ignatius (1973), *Islam Under Crusaders*,<sup>2</sup> Cardini, Fanco (1999), *Europe and Islam*,<sup>3</sup> Carmichael, Joel (1967), *The Shaping of The Arabs, A Study in Ethnic Identity*,<sup>4</sup> Chejne, G. Anwar (1974), *Muslim Spain: Its History and Culture*,<sup>5</sup> dan Collins, Roger Collins (1989), *The Arab Conquest of Spain*.<sup>6</sup> Penulisan-penulisan ini hanya memberi kupasan secara terperinci berhubung latarbelakang sejarah kebangkitan bangsa Arab yang merujuk kepada umat Islam di Andalusia.

---

<sup>1</sup> Burckhardt, Titus (1972), *Moorish Culture In Spain*, diterjemahkan oleh Alisa Jaffa, London: George Allen & Unwin Ltd. Selepas ini disebut *Moorish Culture In Spain*.

<sup>2</sup> Burns, Robert Ignatius (1973), *Islam Under Crusaders*, USA: Princeton University Press.

<sup>3</sup> Cardini, Fanco (1999), *Europe and Islam*, terjemahan oleh Caroline Beamish, United Kingdom: Blackwell Publishing.

<sup>4</sup> Carmichael, Joel (1967), *The Shaping of The Arabs, A Study in Ethnic Identity*, London: George Allen and Unwin Ltd.

<sup>5</sup> Chejne, G. Anwar (1974), *Muslim Spain: Its History and Culture*, Minnesota: University of Minnesota Press.

<sup>6</sup> Collins, Roger Collins (1989), *The Arab Conquest of Spain*, United Kingdom: Basil Blackwell Ltd.

Manakala karya penulis Muslim pula secara jelas tidak menekankan perincian adab intelektual Muslim dan hubungan disiplin al-Qur’ān dalam kesemua kemajuan ilmu baru. Malah sekadar membincangkan sejarah perkembangan budaya ilmu dan kejayaan umat Islam seperti penulisan oleh ‘Īsā, Muḥammad ‘Abd Ḥamīd (1982), *Tārīkh al-Ta’līm fī al-Andalus*,<sup>7</sup> Al-Ḥuḍārī, Muḥammad (1997), *Muḥāḍarāt Tārīkh al-Umam al-Islāmiyyah*,<sup>8</sup> al-Syaibānī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Abd al-Waḥīd (1978), *al-Kāmil fī al-Tārīkh*,<sup>9</sup> Effendi, Muhammad Nur (2003), *Cendekiawan Muslim Pembina Tamadun dan Kecemerlangan Umat*<sup>10</sup> dan Himayah, Ahmad Mahmud (2004), *Kebangkitan Islam di Andalusia*.<sup>11</sup>

Sarjana Barat juga melalui penulisan mereka tidak melihat hubungkait kejatuhan tamadun Andalusia dengan keengganan umat Islam terus berpegang kepada disiplin al-Qur’ān dan mengekalkan peradaban intelek Muslim terdahulu seperti tulisan Dozy, Reinhart (1972), *Spanish Islam, A History of Muslims in Spain*,<sup>12</sup> F.Glick, Thomas (1979), *Islamic and Christian Spain in the Early Middle Ages*,<sup>13</sup> F.Reilly, Bernard (1992), *The Contest of Christian and Muslim Spain*,<sup>14</sup> Fierro, Maribel and Julio, Samsó (1998),

<sup>7</sup> ‘Īsā, Muḥammad ‘Abd Ḥamīd (1982), *Tārīkh al-Ta’līm fī al-Andalus*, Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabī. Selepas ini disebut *Tārīkh al-Ta’līm fī al-Andalus*.

<sup>8</sup> Al-Ḥuḍārī, Muḥammad (1997), *Muḥāḍarāt Tārīkh al-Umam al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār al-Ma‘arif.

<sup>9</sup> Al-Syaibānī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Abd al-Waḥīd (1978), *al-Kāmil fī al-Tārīkh*, Beirut: Dār al-Fikr.

<sup>10</sup> Effendi, Muhammad Nur (2003), *Cendekiawan Muslim Pembina Tamadun dan Kecemerlangan Umat*, Johor: Perniagaan Jahabersa.

<sup>11</sup> Himayah, Ahmad Mahmud (2004), *Kebangkitan Islam di Andalusia*, Jakarta: Penerbitan Gema Insani.

<sup>12</sup> Dozy, Reinhart (1972), *Spanish Islam, A History of Muslims in Spain*, London: Frank Cass and Company Limited.

<sup>13</sup> F.Glick, Thomas (1979), *Islamic and Christian Spain in the Early Middle Ages*, New Jersey: Princeton University Press.

<sup>14</sup> F.Reilly, Bernard (1992), *The Contest of Christian and Muslim Spain*, USA: Blackwell Publishers.

*The Formation of al-Andalus*,<sup>15</sup> dan Gayangos, Pascual (1984), *The History of The Mohamaden Dynasties in Spain*.<sup>16</sup> Penulisan-penulisan mereka secara umum mengaitkan kejatuhan kerajaan Islam dengan serangan dan pakatan kerajaan Kristian di sekitar wilayah Andalusia.

Selain itu dalam perbincangan penulisan terdahulu dan semasa juga tidak dinyatakan faktor disiplin al-Qur'an dan peradaban mereka ketika memberi huraian beberapa sumbangan kemajuan ilmu seperti ilmu falsafah, sains, astronomi, botani dan seni oleh para intelektual Muslim. Penulisan seperti Ball, Walter William Rouse (1960) *A Short Account of the History of Mathematics*,<sup>17</sup> Bodenheimer, F.S (1958), *The History of Biology: An Introduction*,<sup>18</sup> Grabar, Oleg (1973), *The Formation of Islamic Art*,<sup>19</sup> Grabar, Oleg (1976), *Studies in Medieval Islamic Art*,<sup>20</sup> Husain, Muzaffar (2004), *Islam's Contribution in Science*.<sup>21</sup> Penulisan mereka sekadar menyebut perihal sumbangan intelektual Muslim kepada kemajuan hari ini.

Namun kajian berhubung faktor-faktor lain seperti kestabilan politik begitu banyak dan menyumbang nilai rujukan yang penting dalam kajian kemajuan tamadun Andalusia. Penulisan-penulisan tersebut diperolehi melalui kajian penulisan seperti

---

<sup>15</sup> Fierro, Maribel and Julio, Samsó (1998), *The Formation of al-Andalus*, Britain: Press Ltd., Gateshead, Tyne & Wear.

<sup>16</sup> Gayangos, Pascual (1984), *The History of The Mohamaden Dynasties in Spain*, New York: Arno Press.

<sup>17</sup> Ball, Walter William Rouse (1960) *A Short Account of the History of Mathematics*, New York: Dover Publications, Inc.

<sup>18</sup> Bodenheimer, F.S (1958), *The History of Biology: An Introduction*, London: Dawson & Sons Ltd.

<sup>19</sup> Grabar, Oleg (1973), *The Formation of Islamic Art*, USA, New Haven and London: Yale University Press.

<sup>20</sup> Grabar, Oleg (1976), *Studies in Medieval Islamic Art*, London: Variorum Reprints.

<sup>21</sup> Husain, Muzaffar (2004), *Islam's Contribution in Science*, India: Anmol Publications.

Imamuddin, S.M.(1961), *A Political History of Muslim Spain*,<sup>22</sup> Irving, Washington (1986), *A Chronicle of The Conquest of Granada*,<sup>23</sup> dan Kennedy, Hugh (1998), *Muslim Spain and Portugal, A Political History of al-Andalus*.<sup>24</sup> Di samping itu terdapat beberapa penulisan lain yang mengiktiraf Islam secara umumnya menjadi faktor utama kejayaan tamadun Andalusia walaupun tidak membincangkan secara khusus segala disiplin al-Qur'an dan hubungannya dengan peradaban intelektual Andalusia seperti tulisan Rosenthal, Franz (1970), *Knowledge Triumphant, The Concept of Knowledge In Medieval Islam*,<sup>25</sup> Salīm, ‘Abd al-‘Azīz (1962), *Tārikh al-Muslimīn wa Āthāruhum fī al-Andalus*,<sup>26</sup> Salīm, ‘Abd al-‘Azīz (1985), *Fī Tārikh wa Ḥadārah al-Islām fī Andalus*,<sup>27</sup> Semaan, Khalil I. (1980), *Islam and The Medieval West*,<sup>28</sup> Lombard, Maurice (1975), *The Golden Age of Islam*,<sup>29</sup> Imamuddin, S.M. (1981), *Muslim Spain*.<sup>30</sup>

Justeru, penulis mengambil inisiatif untuk menonjolkan disiplin al-Qur'an yang mempunyai hubungkait utama dengan peradaban intelektual Andalusia serta menjurus kepada sumbangan pembangunan kemajuan tamadun Islam Andalusia.

---

<sup>22</sup> Imamuddin, S.M.(1961), *A Political History of Muslim Spain*, Dacca: Najmah Publisher.

<sup>23</sup> Irving, Washington (1986), *A Chronicle of The Conquest of Granada*, London, Darf Publishers Limited.

<sup>24</sup> Kennedy, Hugh (1998), *Muslim Spain and Portugal, A Political History of al-Andalus*, London and New York: Longman.

<sup>25</sup> Rosenthal, Franz (1970), *Knowledge Triumphant, The Concept of Knowledge In Medieval Islam*, Netherlands: Leiden and E.J.Brill.

<sup>26</sup> Salīm, ‘Abd al-‘Azīz (1962), *Tārikh al-Muslimīn wa Āthāruhum fī al-Andalus*, Beirut: Dār al-Ma‘ārif.

<sup>27</sup> Salīm, ‘Abd al-‘Azīz (1985), *Fī Tārikh wa Ḥadārah al-Islām Fī Andalus*, Iskariah: Muassasah Syabāb al-Jamī‘āt.

<sup>28</sup> Semaan, Khalil I. (1980), *Islam and The Medieval West*, New York: State University of New York Press.

<sup>29</sup> Lombard, Maurice (1975), *The Golden Age of Islam*, terjemahan oleh Joan Spencer, Amsterdam: North-Holland Publishing Company.

<sup>30</sup> Imamuddin, S.M. (1981), *Muslim Spain*, Netherlands: Leiden and E.J. Brill. Selepas ini disebut *Muslim Spain*.

#### 1.4 Skop kajian

Kajian ini akan memberi fokus kepada kepentingan al-Qur'ān dalam membentuk daya intelek dan budaya intelektual selaras dengan usaha membangunkan sebuah tamadun berkualiti. Beberapa ayat al-Qur'ān berkaitan kelebihan, saranan dan galakan untuk membentuk pemikiran intelektual akan dikemukakan sebagai bukti kecemerlangan pemikiran manusia dan kemajuan sesebuah tamadun perlu seiring dengan tuntutan al-Qur'ān.

Kajian ini juga akan memberi fokus kepada kemajuan tamadun Islam Andalusia yang telah dicapai dari tahun 711-1492 Masihi hasil kemasukan Islam di wilayah tersebut sebagai suatu contoh tamadun yang telah diasas berdasarkan disiplin al-Qur'ān. Pelbagai aspek kemajuan pada zaman ini akan dilihat hubungannya dengan disiplin al-Qur'ān. Beberapa ayat al-Qur'ān yang berkaitan akan dinyatakan untuk membuktikan pencapaian kemajuan di zaman itu diwarisi oleh tradisi intelektual Andalusia dalam mengaplikasi metodologi seperti yang termaktub di dalam al-Qur'ān.

#### 1.5 Kepentingan kajian

1.5.1 Kajian ini akan mengangkat dan membuktikan bahawa al-Qur'ān adalah pemangkin utama kepada kemajuan sesebuah tamadun dan kecemerlangannya berdasarkan kejayaan empayar Islam Andalusia.

1.5.2 Kajian ini juga dapat meneliti hubungan kait antara disiplin yang dianjurkan oleh al-Qur'ān dan para ilmuwan telah berjaya membentuk kualiti intelektual Andalusia dalam pelbagai bidang ilmu.

1.5.3 Kajian ini dapat mengembalikan nilai ilmu melalui reformasi pendidikan al-Qur'ān dan membuktikan beberapa kejayaannya dalam konteks budaya ilmu Andalusia.

1.5.4 Melalui kajian ini juga akan dapat membongkar antara punca kejatuhan empayar Islam Andalusia iaitu akibat keengganan dan engkar dengan disiplin al-Qu'rān.

## 1.6 Objektif kajian

1.6.1 Meneliti ayat-ayat al-Qur'ān dan hubungannya dengan peradaban intelektual.

1.6.2 Menyelidik budaya intelektual Andalusia dalam pelbagai bidang yang dipengaruhi oleh disiplin al-Qur'ān.

1.6.3 Merumuskan implikasi ketidakpatuhan kepada disiplin al-Qur'ān menjadi punca kepada kejatuhan tamadun Islam Andalusia.

## 1.7 Metodologi penyelidikan

Kajian ini merupakan kaedah kualitatif dan ia dipilih kerana pengkajian ini tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik serta penemuan yang dihasilkan tidak melalui prosedur statistik atau cara pengkuantitian yang lain. Selain itu, penyelidikan kualitatif turut menekankan kepada pentingnya menjalankan penyelidikan dalam latar yang sebenar dan semula jadi sama ada yang sedang berlaku mahu pun yang sudah berlalu. Pengkaji cuba memerhati, menjelas dan

menafsir latar dalam keadaannya yang sebenar. Tiada cubaan dibuat untuk memanipulasi situasi yang dikaji.<sup>31</sup>

Justeru itu, kajian ini dijalankan walaupun zamannya telah berlalu bagi mengenal pasti secara lebih mendalam disiplin al-Qur'ān yang diaplikasikan dalam pelaksanaan tamadun Andalusia dan tradisi intelektual mereka. Penyelidikan ini juga merupakan kajian kualitatif kerana pengkaji berminat untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang sesuatu tamadun bukan untuk menguji sesuatu hipotesis.<sup>32</sup>

#### 1.7.1 Metod Pengumpulan Data

##### Kepustakaan

Menerusi kaedah pengkajian kepustakaan pengkaji mengumpul data menerusi metod dokumentasi dan metod pensejarahan daripada bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Pengkajian cara ini menuntut pengkajian mencari bahan-bahan rujukan di perpustakaan bagi mengumpul data dengan bantuan buku-buku, majalah, artikel, naskhah, catatan, dokumen dan bahan-bahan bertulis. Segala maklumat yang diperolehi digunakan terutamanya untuk menyokong, menambah dan

---

<sup>31</sup> Othman Lebar (2006), *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris, hlm. 10. Selepas ini disebut Othman Lebar *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*.

<sup>32</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, hlm. 100. Lihat juga Marshall, Catherine dan Rossman Gretchen B (1989), *Designing Qualitative Research*, London: Sage Publication, hlm. 40.

memperdalam pengetahuan pengkaji supaya kefahaman terhadap tajuk kajian dapat dikuasai dengan baik.

Pengkaji menggunakan beberapa buah perpustakaan antaranya Perpustakaan Universiti Sains Malaysia termasuk di cawangan Kelantan dan Nibong Tebal, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang.

#### 1.7.2 Metod Penganalisan Data

Data yang akan dikumpulkan itu seterusnya akan melalui proses penganalisan menggunakan metod berikut:

##### 1.7.2.1 Metod induktif

Metod Induktif ialah satu kaedah analisis yang cuba mendapatkan pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk mendapatkan kesimpulan umum.<sup>33</sup> Contohnya, pengkaji mengumpul data secara khusus berkaitan gesaan al-Qur'ān kepada pembentukan budaya intelektual melalui kaedah membaca, menulis dan berfikir serta melihat adakah pendekatan seumpama itu juga turut diaplikasikan dalam pendidikan di zaman kerajaan Islam Andalusia.

---

<sup>33</sup> Holt, Rinehart dan Winstons (1959), *Research Methods in Social Relations*, USA: New York, hlm. 238.

### 1.7.2.2 Metod deduktif

Metod deduktif pula merupakan satu kaedah analisis yang cuba mencari pembuktian daripada hal-hal bersifat umum kepada hal-hal bersifat khusus.<sup>34</sup> Contohnya, pengkaji menyatakan secara umum bahawa al-Qur'ān menganjurkan manusia untuk melakukan kajian dan penyelidikan terhadap isi alam kemudian menghuraikan secara khusus dan terperinci bagaimana para intelektual Andalusia telah mengaplikasikan anjuran tersebut hingga melahirkan ramai para ilmuwan dalam pelbagai bidang ilmu.

### 1.7.2.3 Metod komparatif

Metod komparatif pula bermaksud membuat perbandingan terhadap data-data yang dikumpulkan. Dalam kajian ini, pengkaji membuat perbandingan antara gesaan dalam firman Allah dengan pendekatan disiplin ilmu yang dibentuk dalam pembangunan tamadun intelektual di Andalusia. Selain itu, pengkaji juga membuat perbandingan antaranya istilah disiplin,

---

<sup>34</sup> Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 12.

zaman atau era pemerintahan dan perbandingan kemajuan kerajaan Islam Andalusia dengan kerajaan Kristian di Eropah.

## BAB DUA

### AL-QUR'ĀN DAN KECEMERLANGAN INTELEKTUAL

#### 2.1 Definisi disiplin al-Qur'ān

Disiplin berasal dari istilah Inggeris iaitu *Discipline*. Dalam bahasa Arab disiplin mempunyai pelbagai maksud antaranya *tahdhīb* (memperbaiki), *tadrīb* (melatih), *ta'dīb* (mendidik), *nizām* (peraturan) dan juga *qā'idah* (kaedah).<sup>35</sup>

Maksud terakhir iaitu *qā'idah* lebih tepat digunakan dalam konteks kajian ini dan menurut Ibnu Manzūr dalam *Lisān al-'Arab* dengan takrifan *qā'idah* ialah suatu dasar utama untuk mengukuhkan binaan atau sebagai asas sesuatu pembinaan merujuk kepada firman Allah.<sup>36</sup>

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ

“Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrāhīm bersama Nabi Ismā'īl meninggikan binaan asas Baitullāh itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); sesungguhnya Engkau lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

*Sūrah al-Baqarah* (2:127)

Dalam kamus *Dewan Bahasa dan Pustaka* terdapat lima pengertian disiplin dengan takrifan yang pelbagai.<sup>37</sup> Pertama membawa takrifan latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tata tertib, kedua; peraturan yang ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik, ketiga; kepatuhan kepada peraturan yang telah ditetapkan, keempat; hukuman atau denda kerana melanggar

<sup>35</sup> Ba'albakī, Munīr (1982), *al-Mawrīd*, Beirut: Dār al-'Ilm Li al-Malayīn, hlm. 278. Lihat juga Unays, Ibrāhīm (1973), *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, jil. 1, cet. 2, hlm. 933.

<sup>36</sup> Ibnu Manzūr al-Ifriqī al-Maṣrī, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Makram (1882), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 361. Selepas ini disebut *Lisān al-'Arab*.

<sup>37</sup> Baharom, Noresah dan ed. (1994), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 3, hlm. 308. Selepas ini disebut *Kamus Dewan Edisi Ketiga*.

sesuatu peraturan yang ditetapkan dan kelima; bidang atau lapangan kajian. Disiplin juga disebut metodologi iaitu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.<sup>38</sup>

Perkataan disiplin juga dikaitkan dengan cabang ilmu seperti perkataan disiplin ilmu al-Qur'an bagi menggambarkan kewujudan disiplin-disiplin ilmu tertentu dalam al-Qur'an. Hal ini dijelaskan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud ketika menghuraikan pemikiran Syed M. Naquib al-Attas dalam buku beliau *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas, Satu Huraian Konsep Asli Islami*. Beliau menjelaskan kombinasi antara disiplin ilmu al-Qur'an, hukum dan teologi merupakan kombinasi tepat untuk melahirkan kelompok cendekiawan yang ulung:

*“...Melihat luasnya liputan pendidikan Islam pada zaman yang melatari kemunculan para tokoh ini (cendekiawan sufi), dapat disimpulkan bahawa mereka, sebelum mempelajari dan mempraktikkan tasawuf, memiliki asas yang baik dalam disiplin ilmu keislaman, seperti ilmu al-Qur'an, hukum dan teologi. Oleh sebab itu, sangat tidak menghairankan jika sikap dan hujah mereka sering mencerminkan kombinasi yang tepat daripada disiplin ilmu ini...”<sup>39</sup>*

Al-Qur'an<sup>40</sup> pula ditakrifkan sebagai kalam Allah yang bersifat mukjizat kepada manusia dan jin, diturunkan kepada Rasūlullāh ﷺ untuk menjadi perlembagaan dalam dakwah Baginda mengajak manusia kepada Islam. Menjadi penyaksian kepada kebenaran seruannya serta diturunkan dalam bahasa Arab kepada Rasūlullāh ﷺ, diturunkan secara

<sup>38</sup> Baharom, Noresah dan ed., *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, hlm. 887.

<sup>39</sup> Wan Daud, Wan Mohd Nor (1995), *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas, Satu Huraian Konsep Asli Islami*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 33 dan 218. Selepas ini disebut *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas*.

<sup>40</sup> Al-Qur'an terdiri daripada 77,865 kalimah, 6,236 ayat dan 114 surah seperti yang terkandung dalam mushaf al-Qur'an susunan ulama *al-Kūfiyyūn* mengikut riwayat Ḥafṣ bin Sulaymān bin al-Mughīrah al-Asadī al-Kūfi (m.180 H). Fahmī al-Syāfi'ī, Ḥussayn Muḥammad (1998), *al-Dalīl al-Mufāhris li Alfāz al-Qur'an al-Karīm*, Kaḥerah: Dār al-Salām, hlm. 5. Selepas ini disebut Fahmī al-Syāfi'ī, Ḥussayn Muḥammad, *al-Dalīl al-Mufāhris li Alfāz al-Qur'an al-Karīm*.

*mutawātir*,<sup>41</sup> dihimpunkan dalam muṣḥaf dan membacanya pula merupakan satu ibadah, dimulakan dengan *Sūrah al-Fātiḥah* dan diakhiri dengan *Sūrah al-Nās*.<sup>42</sup> Dalam Kitab *Muqaddimah Ibnu Khaldūn* oleh Ibnu Khaldūn<sup>43</sup> (m. 1406M), beliau menghuraikan mukjizat al-Qur’ān dan menyatakan peranan al-Qur’ān itu:

“...banyak surah dalam al-Qur’ān menunjukkan bahawa Allah secara langsungnya dan melalui hurufnya telah mewahyukan al-Qur’ān,<sup>44</sup> yang mana setiap surah itu adalah terlalu sukar untuk ditiru. Nabi Muḥammad ﷺ telah membuktikan tidak ada mukjizat yang paling besar daripada al-Qur’ān dan merupakan suatu hakikat bahawa Baginda telah menyatupadukan orang-orang Arab dalam melaksanakan tugasnya itu...”<sup>45</sup>

Gabungan antara disiplin al-Qur’ān dalam kajian ini dapat ditakrifkan sebagai metodologi serta kepatuhan kepada petunjuk al-Qur’ān malah ia digunakan dalam pelbagai bidang atau ilmu. Metodologi dan sistem al-Qur’ān itu pula merupakan sumber terbaik sesuai dengan firman Allah:

<sup>41</sup> *Mutawātir* ialah kata bahasa Arab. Dari segi bahasa bermaksud “diturunkan daripada seorang kepada seorang”. Dari istilahnya *Mutawātir* di sini bermaksud al-Qur’ān diturunkan oleh Allah kepada Rasūlullāh secara berperingkat-peringkat dan dihimpunkan oleh beberapa bilangan orang yang sampai menyampaikan ayat dan telah pasti serta yakin bahawa mereka yang menyampaikan tersebut tidak bermuafakat berdusta tentangnya. Ini kerana mustahil terdapat sekumpulan periwayat dengan jumlah yang besar melakukan dusta. Lihat Baharom, Noresah dan ed., *Dewan Bahasa dan Pustaka*, hlm. 913. Lihat juga Zuḥayli, Wahbah (1998), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj*, Damsyik: Dār al-Fikr, jil. 1, hlm. 13. Selepas ini disebut *al-Tafsīr al-Munīr*.

<sup>42</sup> Makhayūn, Muḥammad‘Abdullāh, Na‘īm, ‘Alī Aḥmad dan Dajad, ‘Abd Ḥamīd Maḥmud (1990), *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, Beirut: al-Jam‘iyyah al-Da‘wah al-Islāmiyyah al-‘Ālamīyyah, jil. 2, hlm. 13. Lihat juga Zuḥayli, Wahbah, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj*, hlm. 13.

<sup>43</sup> Ibnu Khaldūn (1332-1406 Masihi). Nama penuhnya ialah Abū Zayd ‘Abd al-Rāḥmān bin Muḥammad bin Khaldūn al-Ḥaḍramī. Lahir di Tunis dan meninggal dunia di Kaherah. Keluarga beliau dikatakan berasal dari Arab Andalusia. Lihat Ibnu Khaldūn (1983), *Muqaddimah Ibnu Khaldūn*, judul asal *Muqaddimah* terjemahan oleh Yakub, Ismail Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., hlm. 1-2.

<sup>44</sup> Merujuk kepada firman Allah *Sūrah al-Qiyāmah* (75:16-17): “Janganlah engkau (wahai Muḥammad) kerana hendakkan cepat menghafaz al-Qur’ān yang diturunkan kepadamu, menggerakkan lidahmu membacanya. Sesungguhnya Kamilah yang mengumpulkan al-Qur’ān itu, dan menetapkan bacaannya.” Lihat juga maksud firman Allah *Sūrah al-Najm* (53:3-4): “Dan dia (Muḥammad) tidak memperkatakan sesuatu menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

<sup>45</sup> Ibnu Khaldūn (1993), *Muqaddimah Ibnu Khaldūn*, judul asal *Muqaddimah Ibnu Khaldūn* ini juga telah terjemahan oleh sidang editor Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 49. Selepas ini disebut *Muqaddimah Ibnu Khaldūn*.

هَذَا بَصِيرٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٢٠﴾

“(Al-Qur’ān) ini menjadi panduan yang membuka hati manusia, dan menjadi petunjuk serta membawa rahmat bagi kaum yang meyakini.”  
Sūrah al-Jāthiyah (45:20)

Perkataan disiplin al-Qur’ān juga telah digunapakai oleh Jabatan Pengajian al-Qur’ān dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia yang membawa maksud bahawa metodologi dan sistem Islam. Iaitu suatu sistem yang menekankan konsep praktikal dan teori apa yang terkandung dalam al-Qur’ān melalui penyampaian ilmu.

“Misi program al-Qur’ān dan al-Sunnah adalah untuk maju sebagai pusat pendidikan al-Qur’ān dan al-Sunnah yang terpilih pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan menggabungkan ilmu dan amal dalam disiplin al-Qur’ān dan al-Sunnah bagi melahirkan tenaga manusia yang berilmu, berkemahiran dan berdaya saing tinggi dalam menangani permasalahan masyarakat.”<sup>46</sup>

Disiplin al-Qur’ān juga pernah disarankan oleh Syed M. Naquib al-Attas untuk dijadikan salah satu kursus paling asas dalam kurikulum pendidikan Al-Attas.<sup>47</sup> Dalam kurikulum pendidikan Islam Al-Attas itu beliau menyatakan bahawa antara kursus Farḍu ‘Ain yang wajib kepada pelajar pendidikan tinggi ialah kursus Kitab Suci al-Qur’ān dan Metafizika Islam atau disebut *al-Tasawwuf* yang merangkumi elemen-elemen falsafah Islam dan di dalamnya pula terdapat ilmu-ilmu yang menyempurnakan disiplin intelektual seseorang:

---

<sup>46</sup> Jabatan Pengajian al-Qur’ān dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Ianya telah diasaskan oleh beberapa tenaga Akademik Fakulti Pengajian Islam, di antaranya Prof. Madya Dr. Abdul Halim el-Muhammady yang menjadi Ketua Jabatan pertama, Allahyarham Dr. Kassim Mat Salleh, Allahyarham Prof. Dato’ Dr. Mahmud Saedon dan Prof. Madya Dr. Wahab Md. Saleh. <http://pkukmweb.ukm.my/~fpi/MQA2008/jaqs-bab0.htm> (diakses pada 25 Ogos 2009).

<sup>47</sup> Wan Daud, Wan Mohd Nor, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas*, hlm. 218.

*“...bukan sahaja kerana meliputi semua unsur yang paling penting dalam pandangan Islam tentang hakikat dan kebenaran sebagaimana diterangkan dalam al-Qur’ān dan ḥadīth tetapi juga kerana mengandungi ringkasan semua disiplin intelektual lain seperti ilmu al-Qur’ān, ḥadīth, teologi dan falsafah serta pengetahuan bahasa Arab klasik...”<sup>48</sup>*

Menurut beliau lagi adalah penting kepada pelajar yang kelak bakal menerajui masyarakat untuk mendalaminya kerana ia merupakan tanggungjawab semua Muslim untuk mempraktikkannya mengikut situasi serta keadaan mereka kelak.<sup>49</sup>

Ibnu Khaldūn dalam *Kitab Muqaddimah Ibnu Khaldūn* turut mengaitkan prinsip dan pengaruh dari al-Qur’ān sebagai salah satu faktor kepada ketinggian ilmu intelektual Andalusia walaupun beliau tidak menggunakan perkataan disiplin al-Qur’ān secara khusus:

*“...sebabnya adalah kerana para pengarang (syair dan prosa) yang hidup pada zaman Islam ini mempelajari bentuk-bentuk pembicaraan dalam al-Qur’ān dan hadith yang paling tinggi dan tidak mampu ditandingi oleh sesiapa. Semua itu masuk ke dalam hati mereka. Jiwa meeka telah terdidik dengan cara-cara ini hingga watak mereka terbentuk dan berkembang...”*

*“...karya mereka lebih kukuh binaannya dan lebih mantap penciptaannya kerana para pengarangnya telah mempelajari bahasa-bahasa di peringkat tinggi dari al-Qur’ān dan hadith...”<sup>50</sup>*

---

<sup>48</sup> Ibid, hlm. 218.

<sup>49</sup> Ibid, hlm. 219.

<sup>50</sup> Ibnu Khaldūn, *Muqaddimah Ibnu Khaldūn*, hlm. 841.

Syed Qutb<sup>51</sup> dalam kitabnya *Ma‘ālim fī al-Ṭarīq* dalam bab *Jīl al-Qur‘ān Farīd*,<sup>52</sup> menyatakan bahawa melalui al-Qur‘ān, sejarah Islam telah melahirkan satu generasi yang paling istimewa dalam sīrah ketamadunan Islam dan dalam sejarah kemanusiaan. Merujuk kepada generasi para ṣaḥābah, al-Qur‘ān telah dijadikan sumber rujukan utama manakala al-Sunnah adalah penafsiran kepadanya. Ketika Umm al-Mukminīn ‘Āisyah ditanya tentang kelakuan, perjalanan hidup Rasūlullāh ﷺ maka beliau menjawab:

كان خلقه القرآن

“Kelakuan (dan perjalanan hidup) Baginda itu ialah al-Qur‘ān.”  
 Riwayat al-Nasā’ī<sup>53</sup>

Selain itu terdapat ayat lain yang menyokong disiplin al-Qur‘an antaranya ialah :  
 seperti firman Allah:

يٰٓأَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِّمَّا كُنْتُمْ  
 تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَعْفُو عَنْ كَثِيرٍ ۖ قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ  
 وَكِتَابٌ مُّبِينٌ ﴿٥١﴾ يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ  
 وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ ۖ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

“Wahai Ahli Kitab, Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami yang menerangkan kepadamu banyak dari isi Kitab yang telah kamu sembunyikan, dan ia memaafkan kamu banyak perkara. Dan sesungguhnya telah datang kepada kamu dari Allah cahaya dan Kitab yang terang. Dengan itulah Allah memimpin siapa yang mahu mengikut keredhaan-Nya ke jalan perdamaian dan dikeluarkannya kepada

<sup>51</sup> Dilahirkan pada Oktober 1906 di Daerah Assyut, Mesir dan meninggal dunia pada 29 Ogos 1966. Beliau ialah pengasas Pertubuhan Ikhwān al-Muslimīn di Mesir sekitar tahun 1950-60an dan lantang memperjuangkan Islam sehingga akhirnya dijatuhkan hukuman gantung oleh Presiden Mesir Jamal Abdul Nasir pada tahun 1966. Hasan, S.Badrul (1986), *Biografi al-Syahid Syed Qutb*, Shah Alam: Pustaka Hizbi.

<sup>52</sup> Syed Qutb (1989), *Petunjuk Sepanjang Jalan* judul asal *Ma‘ālim fī al-Ṭarīq* terjemahan oleh H.Salahuddin Abdullah, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd., hlm. 9.

<sup>53</sup> Hadith no.11350. Aḥmad bin Shu‘ayb bin ‘Alī bin Sīnān Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Nasā’ī (1992), *Kitāb al-Sunan al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jil. 6, hlm. 412.

*cahaya yang terang dan mereka dipimpin ke jalan yang lurus.”*  
*Sūrah al-Mā'idah (5:15-16)*

Ketika menafsirkan ayat di atas, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah atau dikenali dengan Hamka (m. 1981M) dalam hasil tulisannya melalui kitab *Tafsir al-Azhar* menjelaskan bahawa ayat di atas membuktikan bahawa al-Qur'ān dan sunnah Rasūlullāh ﷺ perlu dijadikan pegangan hidup oleh setiap Muslim. Seterusnya beliau turut menyatakan tentang penegasan Allah kepada orang-orang yang mengikut sunnah Rasul sebagai ikutan untuk mencari redhai-Nya dari akan diberi petunjuk melalui perantaraan kitab al-Qur'ān sehingga mereka mencapai pelbagai jalan kedamaian yang akan ditunjukkan oleh Allah.<sup>54</sup>

Intelektual berasal dari perkataan Inggeris iaitu *Intellectual*. Dalam *Kamus Dewan* istilah intelektual diterjemahkan dalam dua maksud iaitu sebagai orang, kaum, golongan terpelajar, cerdik pandai atau cendekiawan; kedua, mereka yang mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berfikir.<sup>55</sup> Perkataan ilmuwan dan ahli fikir atau intelektual dalam konteks budaya ilmu yang dimaksudkan di sini ialah merujuk kepada lapisan masyarakat yang menghayati budaya ilmu sama ada mereka terdiri dari golongan usahawan, pentadbir, pemimpin politik atau mana-mana individu yang memberi sumbangan kepada pemupukan budaya ilmu dan intelektual.<sup>56</sup>

---

<sup>54</sup> Abdul Karim Amrullah, Abdul Malik (1984), *Tafsir al-Azhar*, Jakarta: Yayasan Nurul Islam, juzu' 5, hlm. 212. Selepas ini disebut *Tafsir al-Azhar*.

<sup>55</sup> Baharom, Noresah dan ed., *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, hlm. 495.

<sup>56</sup> Wan Daud, Wan Mohd Nor, *Penjelasan Budaya Ilmu*, hlm. 57.

Dalam menjelaskan lagi maksud intelektual ini, Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Masarra (m. 931M)<sup>57</sup> menjelaskan bahawa intelek adalah satu sifat yang dikurniakan oleh Allah sebagai satu petunjuk bagi membolehkan manusia memahami perintah-Nya dan tegahan-Nya selaras dengan petunjuk yang terkandung dalam kitab suci al-Qur’ān.<sup>58</sup>

Sehingga hari ini, para ilmuwan dan pengkaji tamadun tidak dapat menafikan perkembangan, kemajuan serta sistem baru telah dipelopori oleh intelektual Muslim Andalusia semenjak Islam berkembang di wilayah tersebut selama hampir 8 abad. Fenomena ini berjaya membuktikan bahawa Islam bukanlah agama yang mundur atau agama yang menyeru keganasan dan bukan juga agama yang mengamalkan penindasan.

Takrifan Andalusia pula dapat didefinisikan sebagai sebuah wilayah Selatan Semenanjung Iberia (sekarang sebahagian daripada Sepanyol dan Portugal) dan melakar nama dalam sejarah ketamadunan ketika berada di bawah pemerintahan Islam selama hampir lapan abad.<sup>59</sup> Dalam kitab *Lisān al-‘Arab* pula kalimah Andalus disebut dengan sebutan yang berbeza iaitu Andulusu dengan menggunakan *wazan Anfu‘ulu*.<sup>60</sup> Andalusia terletak antara lautan Atlantik dan Laut Mediterranean. Andalusia merupakan salah satu wilayah jajahan Kerajaan Rom pada permulaan abad ke-2 sebelum Masihi. Pada kurun

---

<sup>57</sup> Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Masarra dilahirkan di Cordova pada tahun 269 Hijrah / 883 Masihi dan meninggal pada tahun 319 Hijrah /931 Masihi. Beliau banyak terpengaruh dengan falsafah Plato yang berbangsa Greek. Ibnu Masarra telah mengarang kitab yang berjudul *Risālat al-I’tibar* dan *Kitāb al-Ḥurūf*. Maribel Fierro and Julio Samsó, jil. 47, hlm. 133.

<sup>58</sup> Maribel Fierro, Julio Samsó, *The Formation of al-Andalus*, hlm. 136.

<sup>59</sup> Wajdi, Muḥammad Farīd (1979), *Dāerah Ma‘ārif al-Qarn al-‘Isyrīn*, Beirut: Dār al-Fikr, jil. 1, hlm. 657. Selepas ini disebut *Dāerah Ma‘ārif al-Qarn al-‘Isyrīn*.

<sup>60</sup> Ibnu Manzūr al-Ifriqī al-Maṣrī, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Makram (1882), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Fikr, jil.6, hlm.87. Kitab ini memberi penjelasan bahawa lafaz Andulus terbina atas *wazan Anfu‘ulu* dan huruf *nūn* pada lafaz Andulus dikekalkan kerana ia bukan merupakan huruf tambahan. *Andulus* dieja dalam Arab dengan diberi tanda *fathah* ( baris atas) *hamzah*, *ḍommah* (baris hadapan) *Dal* dan *Lam*.

pertama Masihi bermulanya pengaruh Kristian akibat penghijrahan rakyat Itali dan hinggalah kurun ke-4 Masihi, kerajaan Jerman mengambil alih Dinasti Rom di Eropah dan bernaung di bawah jajahannya.

Ia pula dibaca dengan sebutan yang berbeza iaitu Andulus atau juga Andalus kerana ia bukanlah berasal daripada kalimah bahasa Arab. Nama kepada negara tersebut juga dikatakan berasaskan urutan sejarah dan sempena memberikan penghormatan kepada individu yang terlibat dalam sejarah Andalusia seperti yang dinyatakan oleh Abī al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Abd al-Wahīd al-Syaibānī (m. 1233M) atau lebih dikenali sebagai Ibnu al-Athīr al-Jazarī. Beliau menyatakan dalam *Kitab al-Kāmil fī al-Tārikh*, “Andalus” berasal dari nama pembuka negara tersebut iaitu “Andalus bin Yafuth bin Nuh.”<sup>61</sup>

Menurut Osman Khalid,<sup>62</sup> kaum dan bangsa pribumi juga dikatakan mempengaruhi nama Andalusia pada zaman silam ketika kaum Vandal mendominasi wilayah yang dihuninya itu. Suku kaum Vandal yang menetap di Selatan Sepanyol telah menukar nama Semenanjung Iberia tersebut dalam bahasa mereka iaitu Vandalusia yang bererti “Tanah kepunyaan orang-orang Vandal.” Selepas penaklukan Islam semasa

---

<sup>61</sup> Selain daripada itu al-Athīr juga menyatakan penduduk asal negara tersebut dipanggil “Andalusy” dan sesudah itu bangsa Arab menukarkan huruf “*syīn*” diakhir dengan “*sīn*” maka menjadi sebutan “Andalus”. Begitu juga pendapat yang dinyatakan dalam kitabnya bahawa menamakan Andalus dengan “Isybaniah” sempena nama raja yang memerintah di zaman awal bernama Isyban ibnu Taitas yang beragama Majusi. Pendapat lain menyatakan orang-orang Kristian menamakannya dengan “Isybaniah” juga kerana seorang lelaki telah disalib di sana yang bernama “Isybanis”. Al-Syaibānī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin ‘Abd al-Wahīd (1978), *al-Kāmil fī al-Tārikh*, Beirut: Dār al-Fikr, jil. 4, hlm. 120. Lihat juga Hasbullah, Ahmad Haji (1993), *Perkembangan Tamadun Islam Abad Pertengahan*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Selepas ini disebut *Perkembangan Tamadun Islam*.

<sup>62</sup> Khalid, Osman (1997), *Kesusasteraan Arab, Zaman Abbasiyah, Andalus dan Zaman Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 216-218. Selepas ini disebut *Kesusasteraan Arab*.

pemerintahan Khalifah al-Walīd bin ‘Abd al-Mālik (m. 715M)<sup>63</sup> barulah nama negara ini menjadi al-Andalus.

## 2.2 Keperluan manusia kepada al-Qur’ān

Manusia memerlukan pimpinan al-Qur’ān untuk membentuk generasi yang bersih hatinya, pemikirannya, pandangan hidup, perasaan dan murni jalan hidupnya dari sebarang unsur selain daripada landasan Islam. Ibnu Baṭūṭah<sup>64</sup> (m.1369 M) sendiri pernah menyatakan dalam riwayat pelayarannya bahawa beliau tidak pernah meninggalkan membaca al-Qur’ān sebagai amalan harian:

*“... pada hari-hari saya tinggal di bandar (Quri Mansa; sebuah daerah di Afrika yang disinggahi oleh beliau dalam pengembaraannya,) saya bermimpi pada suatu malam apabila seorang lelaki berkata kepadaku, "Wahai Muhammad, anak kepada Baṭūṭa, mengapa engkau tidak membaca surah Yasin setiap hari?" Sejak hari itu saya tidak berhenti untuk membacanya setiap hari walaupun saya sedang mengembara atau tidak kemana-mana...”*<sup>65</sup>

Hal ini menjelaskan bahawa manusia sangat memerlukan petunjuk Allah melalui perantaraan al-Qur’ān dalam urusan seharian mereka sebagaimana yang telah

---

<sup>63</sup> Khalifah Bani Umayyah ke-6 menggantikan ayahnya Khalifah ‘Abd al-Mālik bin Marwān (m.705 M). Al-Walīd meneruskan sistem pemerintahan ayahnya dengan mengemaskini sistem kebajikan di samping membina hospital-hospital dan institusi pendidikan di wilayah jajahannya terutama di Damsyik.

<sup>64</sup> Beliau ialah Abū ‘Abdullāh Muḥammad Ibnu Baṭūṭah (m. 1369 M). Beliau mula keluar belayar pada tahun 725 Hijrah dari daerahnya iaitu Ṭanjīh, Morocco untuk tujuan mengerjakan haji dan kemudiannya belayar mencari pengalaman selama hampir 20 tahun dan umurnya hampir mencecah 50 tahun. Dia pernah belayar dari Maghribi ke pelbagai Negara yang kini diberi nama Algeria, Tunisia, Mesir, Israel, Syria, Jordan dan Mekah. Di Mekah beliau menetap beberapa tahun dan meneruskan pelayaran ke Iran, Iraq, Sudan, Somalia, Tanzania. Seterusnya ke negara-negara Teluk Balkan seperti Rusia, Afganistan, Pakistan, India, Maldiv, Ceylon, Bangladesh. Dari situ beliau belayar ke Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia serta ke China. Seterusnya ketika Ibnu Baṭūṭah dalam perjalanan pulang ke Maghribi beliau singgah di Andalusia sebelum meneruskan perjalanan ke Mali dan pulang ke Maghribi. Lihat Hamdun, Said dan King, Noel (1975), *Ibn Battuta In Black Africa*, London: Rex Collings, hlm. 1-2. Selepas ini disebut *Ibn Battuta In Black Africa*.

<sup>65</sup> Hamdun, Said dan King, Noel, *Ibn Battuta In Black Africa*, hlm. 52.

difirmankan oleh Allah dalam al-Qur’ān.

﴿ يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴾

“(Oleh kerana Allah menguasai segala-galanya, maka) wahai umat manusia, kamulah yang sentiasa berhajat kepada Allah (dalam segala perkara), sedang Allah Dia lah sahaja Yang Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.”

Sūrah Fāṭir (35:15)

Wahbah al-Zuḥaylī dalam *Tafsīr al-Munīr* menghuraikan “*al-Fuqarā’*” sebagai kefakiran manusia yang sangat berhajat kepada Allah. Menurut beliau lagi sifat kefakiran manusia disisi Allah merangkumi fakir dalam urusan agama dan keduniaan. Sehubungan dengan itu kebergantungan manusia kepada petunjuk Allah sangat tinggi dalam semua aspek kehidupan mereka termasuk juga dalam mendapatkan ilmu pengetahuan.<sup>66</sup>

Menurut tafsiran ayat tersebut juga dapat difahami bahawa kemajuan sesebuah tamadun ilmu Islam yang ingin dicapai mestilah bergantung harap atau dengan kata lain perlu merujuk kepada petunjuk daripada al-Qur’ān. Tidak dinafikan tamadun-tamadun lain juga telah memberi sumbangan kepada manusia seperti Rom dengan kemajuan kebudayaan dan perundangan atau tamadun Yunani Greek yang memberi sumbangan dan ikutan pemikir Barat dari segi falsafah dan kesenian atau tamadun Parsi yang mashyur dengan kesenian bangunan dan bahasa atau juga kemajuan tamadun lain seperti India dan Cina, namun tamadun Islam yang berasaskan al-Qur’ān juga lebih dikagumi dalam menyumbang kepada kemajuan tamadun bernilai kemanusiaan yang tinggi malah mampu membendung manusia daripada melanggar hak sesama manusia apatah lagi hak-hak Allah. Berasaskan panduan al-Qur’ān juga manusia dikawal akalunya ke arah

<sup>66</sup> Zuḥayli, Wahbah, *al-Tafsīr al-Munīr* jil. 21-21, hlm. 248.

memperkasakan ilmu, iman dan akhlak kerana kemajuan ilmu semata-mata tanpa berasaskan pegangan wahyu akan melahirkan pemikir yang jauh terpesong seperti yang pernah dilakukan oleh intelek Barat iaitu Darwin.<sup>67</sup>

Dari kawalan dan petunjuk al-Qur’ān itu juga intelektual Andalusia khususnya menggarap ilmu dengan cermat dan berhati-hati. Tradisi intelektual Andalusia mampu memahami secara mendalam ilmu-ilmu al-Qur’ān seperti tafsir, feqh, sirah, akidah, ḥadīth dan lain-lain hingga mewujudkan integrasi ilmu yang mempunyai disiplin al-Qur’ān:

*“...oleh sebab al-Qur’ān merupakan asas dan tapak bagi kesemua ilmu pengetahuan, mereka (ibu bapa) menjadikannya sebagai dasar pengajaran, tetapi tidak membatasi pengajaran anak-anaknya sepenuhnya kepada al-Qur’ān sahaja...”<sup>68</sup>*

Hal ini pula dikupas oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī dengan menjelaskan lebih spesifik bagaimana interaksi dan sikap sebenar seseorang Muslim terhadap ajaran yang terkandung di dalamnya. Setiap individu Muslim hendaklah memberi perhatian dan kepatuhan yang mutlak kepada Allah, berjuang dan meluangkan masa untuk mengkaji, merenungi serta memahaminya dengan baik.<sup>69</sup> Penghayatan isi kandungannya tidak boleh diabaikan dan perlu melalui beberapa proses yang berterusan seperti kupasan-kupasan

---

<sup>67</sup> Teori Charles Robert Darwin yang mengandungi kepalsuan tentang daripada mana asal usul manusia. Matlamat utamanya adalah untuk menafikan wujudnya suatu kuasa ghaib di luar alam nyata. Bermula dari persoalan perkembangan evolusi inilah ia telah menolak kewujudan Allah sebagai Pencipta. Darwin menamakan proses ini evolusi melalui persekitaran alam. Beliau telah membuat kenyataan iaitu menemui asal usul kewujudan spesies; suatu spesies berasal dari spesies lain. Dia juga mempopularkan ideologi ini dalam bukunya yang berjudul *The Origin of Species, By Means of Natural Selection* pada tahun 1859. Lihat juga Tax, Sol (1960), *Evolution After Darwin*, London: The University of Chicago Press Ltd., hlm 1-2.

<sup>68</sup> Ibnu Khaldun, *Muqaddimah Ibnu Khaldūn*, hlm. 772.

<sup>69</sup> Al-Qaraḍāwī, Muḥammad Yūsuf (2001), *Al-Quran al-Sunnah Referensi Tertinggi*. Judul asal *al-Marja’ijjah al-Ulyā fi al-Islām li al-Qur’ān*, Kuala Lumpur: Thinker’s Library Sdn. Bhd. hlm. 18.

ayat melalui penafsiran. Pengkajian ayat-ayat al-Qur’ān pula dilakukan dengan cermat dan teliti untuk mengelakkan dari berlakunya kesilapan yang boleh melemahkan fungsi al-Qur’ān sebagai *mu’jizat al-Kubrā*. Abī Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (m. 505H) pula mengingatkan terhadap mereka yang melakukan pengkajian alam dan kejadian makhluk di alam ini dengan menyatakan:

“...beberapa kewujudan penciptaan di alam ini ada pelbagai, ada antaranya yang tidak diketahui langsung asal kewujudannya maka tidak mungkin bagi kita untuk berfikir dan kita juga banyak yang tidak tahu apakah ia seperti maksud firman Allah: “Dan Dia menciptakan apa yang tidak kamu ketahui.”<sup>70</sup> Dan ada yang kita ketahui kewujudannya tetapi tidak dapat mengetahui secara lengkap maka boleh bagi kita untuk melakukan penelitian secara lebih teliti sama ada dengan pancaindera atau seumpamanya.”<sup>71</sup>

Hal ini dapat menjelaskan lagi fungsi al-Qur’ān sebagaimana Abī Ja’far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (m. 310H) menjelaskan bahawa al-Qur’ān hanya akan menjadi petunjuk kepada golongan *muttaqīn* dan *mu’minīn* sahaja<sup>72</sup> dan secara muktamadnya tidak termasuk dalam maksud ini ialah golongan yang bukan Muslim. Penjelasannya terkandung dalam *sūrah al-Baqarah* ayat 2:

ذٰلِكَ الْكِتٰبُ لَا رَيْبَ فِيْهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِيْنَ ﴿٢﴾

“Itulah Kitab yang tidak ada keraguan padanya dan menjadi petunjuk kepada golongan yang bertaqwa.”

*Sūrah al-Baqarah* (2:2)

<sup>70</sup> “ Dan Dia menjadikan kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk perhiasan; dan Ia ciptakan apa yang kamu tidak mengetahuinya.” *Sūrah al-Nahl* (16:8). Lihat juga maksud firman Allah: “Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan semuanya berpasangan; dari yang ditumbuhkan dibumi dan dari diri mereka, juga dari apa yang mereka tidak ketahui.” *Sūrah Yāsīn* (36:36).

<sup>71</sup> Al-Ghazālī, Abī Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad (1996), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Kaheerah: Maktabah al-Imān, hlm. 103-104. Selepas ini disebut *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*.

<sup>72</sup> Al-Ṭabarī, Abī Ja’far Muḥammad bin Jarīr (1988), *Jamī’ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āy al-Qur’ān*, Dār al-Fikr, Beirut, hlm 98. Selepas ini disebut *Jamī’ al-Bayān ‘An Ta’wīl Āy al-Qur’ān*.